

NORMA BAHARU: APAKAH PERANAN WANITA ISLAM ?

KULIAH JEMPUTAN “FAZAKKIR” PUSAT UPSI

OLEH: USTAZAH ASMA' BINTI HARUN, 7 JULAI 2020 (SELASA), 10.00 PAGI

Susunan semula oleh:

Nur Atiqah binti Md Jaman

Skim Pusat Islam UPSI

Kuliah dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Asma' ul Husna serta doa.

Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakhbar. Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian, Alhamdulillah, saya memulakan kuliah dengan sedikit bacaan doa dan mudah-mudahan Allah SWT memakbulkan permohonan kita untuk masuk ke syurga-Nya, memperolehi keampunan-Nya dan meraih kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Zikir dan doa adalah kekuatan hati dan roh. Untuk berjaya menempuh jalan di muka bumi Allah SWT ini, kita memerlukan kekuatan hati dan roh. Tanpa keduanya, manusia adalah seperti bangkai yang berjalan. Jasadnya hidup tetapi hatinya mati. Zikir dan doa adalah penghidup dan pembersih hati yang berkarat serta mampu mengeratkan hubungan manusia dengan Allah SWT. Malah, nilai zikir dan doa dikatakan lebih baik daripada menginfak emas dan perak serta berjihad di jalan-Nya. Namun, ternyata ramai umat Islam kini belum memahami secara benar makna yang terkandung dalam zikir dan doa. Mulut mereka mengucapkan zikir, namun tidak memberi kesan di dalam hati.

Firman Allah SWT dalam surah **Al-Baqarah ayat 216** yang bermaksud *“Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu. Allah SWT mengetahui sedang kamu tidak mengetahui”*. Andai kita dapat melihat setiap hikmah dan rahsia di setiap ketetapan dan kehendak Allah SWT dalam hidup, kita pasti senantiasa bersyukur dan menerima apa jua pemberian Allah SWT. Namun, melalui hal ini Allah menguji setiap hamba-Nya sama ada yakin atau tidak dengan janji Allah SWT yang akan ditunaikan di Mahsyar iaitu di syurga-Nya. Firman Allah SWT yang lain, dalam **surah Al-Fatihah ayat 6** yang bermaksud *“Tunjukkan kami jalan yang lurus.”* Jalan yang lurus merupakan jalan yang amat sukar. Walau bagaimanapun, jalan yang sukar ini akan mewujudkan kesabaran dalam diri kita untuk menempuh setiap liku kehidupan.

Dalam norma baharu yang melanda negara kita bahkan seluruh dunia, apakah peranan wanita Islam dalam hal ini ? Sebuah **hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:**

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الْمَلِيحَةُ

Maksudnya: Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah” [Riwayat Muslim (2668)]

Menurut hadith di atas, **peranan wanita Islam yang pertama adalah perlu merasakan dirinya adalah perhiasan dunia.** Imam Al- Qurtubi menafsirkan maksud '*wanita yang solehah*' dalam hadith Rasulullah SAW ialah wanita yang sentiasa menggembirakan suaminya. Hal ini bermaksud, wanita mentaati setiap perintah suaminya dan memelihara kehormatan diri dan harta saat ketiadaan suaminya. Bagi wanita yang tiada suami pula, maksud '*wanita yang solehah*' adalah wanita yang sentiasa menggembirakan hati ibu dan ayah iaitu mentaati setiap perintah dan menjaga kehormatan diri dan harta saat ketiadaan orang tuanya.

Selain itu, **peranan wanita Islam yang kedua adalah mengikuti akhlak Rasulullah SAW.** Firman Allah SWT dalam **surah Ali-Imran ayat 31** yang bermaksud "*Katakanlah (Wahai Muhammad kepada umatmu): Jika kalian benar-benar mencintai Allah, maka ikutilah aku (Muhammad), niscaya Allah SWT akan mencintai kalian dan mengampuni dosa kalian*". Di antara akhlak Rasulullah SAW adalah meraikan pendapat isteri. Sewaktu termetraikan perjanjian di antara kaum musyrikin Quraisy dan Rasulullah SAW di Hudaibiah, Rasulullah SAW berkata, "*Bangunlah, dan sembelihlah (melakukan qurban) serta bercukur*" kepada para sahabat yang ketika itu sedang berduka kerana tidak dapat menunaikan umrah pada tahun tersebut. Namun, tiada para sahabat yang bangun untuk melaksanakan perintah tersebut walaupun Rasulullah SAW telah mengulangi sebanyak 3 kali. Kemudian, Rasulullah SAW masuk ke dalam khemah baginda.

Ummu Salamah RHA yang melihat situasi berkenaan telah berkata kepada Rasulullah SAW, "*Wahai Nabi Allah SWT, Adakah Engkau suka keadaan sebegini? Keluarlah dan jangan berkata kepada sesiapa pun walaupun satu perkataan sehingga Engkau menyembelih unta dan memanggil tukang cukur untuk bercukur.*" Lalu Rasulullah SAW melaksanakan apa yang dikatakan oleh Ummu Salamah RHA. Perkara ini disaksikan oleh para sahabat dan akhirnya para sahabat juga melaksanakan hal yang sama. Kisah ini dinukilkan oleh **Al-Baghawi di dalam tafsirnya**, "*kisah ini memperlihatkan kecerdasan isteri Rasulullah SAW iaitu Ummu Salamah RHA yang membantu Rasulullah SAW dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Inilah tugas para ummul mukminin, mereka bukan sahaja duduk di rumah, namun menemani dan membantu Rasulullah SAW sekaligus memberi idea dan bersifat menyelesaikan*". Melalui kisah ini, para wanita Islam mestilah mengikuti salah satu akhlak Rasulullah SAW dengan menghormati dan meraikan serta tidak memperlekehkan pandangan yang diberikan.

Di samping itu, **peranan wanita Islam yang ketiga adalah menyebarkan ilmu.** Urwah bin Zubair RA berkata tentang Saidatina Aisyah RHA, "*Aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih alim di dalam bab fiqh, syariah, perubatan dan syair Arab melebihi daripada Aisyah RHA*". Saidatina Aisyah RHA dikatakan sangat memanfaatkan setiap masanya sehingga menjadi wanita yang sangat alim, pakar bahasa, perubatan dan fiqh. Hal ini kerana masa tetap akan berlalu dan akan terisi, sama ada ia terisi dengan perkara yang mengundang keberkatan atau perkara yang sia-sia. Bagi wanita yang belum bernikah, isilah waktu lapang dengan menuntut ilmu seperti menghafaz Al-Quran mahupun hadith.

Firman Allah SWT dalam **surah Al-Baqarah ayat 155 dan 156:**

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالشَّرَّاتِ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya akan Kami berikan ujian kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan, Dan berikan berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.

Berdasarkan firman di atas, membuktikan bahawa Allah SWT sedang menguji hamba-Nya dengan rasa takut, resah, bimbang pada musuh iaitu COVID-19. Malah juga kita diuji dengan kelaparan, hilang punca pendapatan dan kematian. Namun, Allah SWT memberikan khabar gembira buat orang-orang yang bersabar terhadap ujian-Nya. Dari Ummu Salamah RHA berkata, aku mendengar **Rasulullah SAW bersabda [Riwayat Musim (918)]**, “Tidaklah seorang mukmin ditimpa musibah lalu ia membaca apa yang diperintahkan oleh Allah SWT iaitu ayat,

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.

dan kemudian dia menyambung lagi dengan ayat,

اللَّهُمَّ أَجْرِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Maksudnya: Ya Allah, berikanlah aku pahala dalam musibah ini dan berilah ganti yang lebih baik daripadanya.”

Antara ciri golongan orang yang sabar adalah sentiasa membacakan ayat yang diperintahkan Allah SWT ketika berhadapan dengan ujian besar mahupun kecil. Kelebihan bagi orang yang menyebut ayat tersebut adalah Allah SWT memberikan selawat, rahmat dan pertolongan-Nya. Malah, mereka juga tergolong dalam kalangan orang yang diberi petunjuk. Oleh itu, kita boleh mengamalkan doa dalam hadith berkenaan setiap kali kita ditimpa musibah.

Kesimpulannya, norma baharu yang perlu kita teruskan hasil daripada tarbiah Allah SWT sepanjang COVID-19 adalah **perkara yang pertama, menjadi orang yang sabar.**

Perkara yang kedua adalah belajar menerima dan menyebarkan berita yang sahih seperti firman Allah dalam **surah Al-Hujurat ayat 6**, “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidiklah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan

sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Perkara yang ketiga, menjaga kebersihan seperti firman Allah dalam **surah Al-Baqarah ayat 222**, *“Sesungguhnya Allah mencintai orang yang bertaubat dan orang yang membersihkan dirinya.”*

Perkara yang keempat, penjarakan sosial. Dalam islam, penjarakan sosial telah lama termaktub di dalam Al-Quran dan hadith Rasulullah SAW iaitu menjarakkan diri dengan ajnabi. **Rasulullah SAW [Riwayat Al-Bukhari (5223)] bersabda,**

قَالَ لَا يَخْلُونَ رَجُلًا بِامْرَأَةٍ وَلَا تُسَافِرُ امْرَأَةٌ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Maksudnya: Tidak boleh seorang lelaki itu berdua-duaan dengan seorang wanita melainkan ditemani mahramnya.

Perkara yang kelima, pemakaian lengkap Peralatan Pelindung Diri (PPE) yang diibaratkan menutup aurat. Hal ini membuktikan kenyataan salah liberal yang mengatakan menutup aurat semasa bekerja adalah membebankan. Hal ini kerana, pemakaian yang menutup aurat ini telah mengikut fitrah dan kemampuan manusia.

Malah, **perkara yang terakhir yang boleh diteruskan adalah kuliah secara atas talian.** Hal ini kerana, mereka dapat menyertai kuliah di mana sahaja dan bersifat fleksibel.

Akhir kata, pelbagai hikmah yang Allah SWT kurniakan sepanjang COVID-19 melanda di negara kita. Bagi orang yang fasik, mereka tidak akan melihat hikmah di sebalik ujian ini. Manakala, orang yang beriman sentiasa bersangka baik dan melihat kebaikan di setiap ujian. Mudah mudahan, dengan perkongsian yang serba sedikit ini dapat memberi manfaat buat semua. TAMAT.